

# PENDEKATAN NISAB DAN HAUL DALAM ZAKAT PENDAPATAN: IMPLIKASI TERHADAP PENYEDIA KANDUNGAN

## NISAB AND HAUL APPROACHES IN INCOME ZAKAT: IMPLICATIONS TOWARDS CONTENT CREATORS

Syazwani Abd Rahim <sup>1</sup>

Aemy Aziz <sup>2 \*</sup>

Mohamad Zaki Razaly <sup>3</sup>

Mohd Asyadi Redzuan <sup>4</sup>

Siti Noor Ain Aziz <sup>5</sup>

Khadijah Amira Abdul Rashid <sup>6</sup>

<sup>1</sup> Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor Kampus Segamat. Email: [syazwanirahim@uitm.edu.my](mailto:syazwanirahim@uitm.edu.my)

<sup>2</sup> Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor Kampus Segamat. Email: [aemy@uitm.edu.my](mailto:aemy@uitm.edu.my)

<sup>3</sup> Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor Kampus Segamat. Email: [moham694@uitm.edu.my](mailto:moham694@uitm.edu.my)

<sup>4</sup> Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor Kampus Segamat. Email: [mohda131@uitm.edu.my](mailto:mohda131@uitm.edu.my)

<sup>5</sup> Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor Kampus Segamat. Email: [sitin308@uitm.edu.my](mailto:sitin308@uitm.edu.my)

<sup>6</sup> Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor Kampus Segamat. Email: [amirarashid@uitm.edu.my](mailto:amirarashid@uitm.edu.my)

\*(Corresponding author).

### Article history

Received date : 26-11-2024

Revised date : 27-11-2024

Accepted date : 10-3-2025

Published date : 30-6-2025

### To cite this document:

Abd Rahim, S., Aziz, A., Razaly, M, Z., Redzuan, M. A., Aziz, S. N. A., & Abdul Rashid, K. A. (2025). Pendekatan nisab dan haul dalam zakat pendapatan: Implikasi terhadap penyedia kandungan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 277 - 292.

**Abstrak:** Pengenalan zakat dalam konteks ekonomi digital menjadi semakin kritikal, khususnya bagi golongan content creator yang menjana pendapatan melalui pelbagai platform dalam talian. Kajian ini menilai keberkesanan pendekatan nisab emas dan haul yang digunapakai oleh pusat-pusat zakat di Malaysia dalam menetapkan kewajipan zakat bagi golongan ini. Hal ini bertujuan untuk memahami secara lebih mendalam bagaimana konsep nisab dan haul perlu disesuaikan dengan pendapatan dalam ekonomi digital yang dinamik dan tidak tetap. Kaedah yang digunakan adalah temubual dengan pusat-pusat zakat; MAIWP, MUIP dan LZS serta menganalisis data temubual. Hasil kajian mendapati bahawa MAIWP dan MUIP Pahang mengakui bahawa haul tidak diperlukan untuk zakat pendapatan. LZS Selangor juga menambah bahawa pendapatan diterima bulanan. Nisab di seluruh institusi zakat menggunakan rujukan 85g emas, dan kadar zakat yang dikenakan adalah konsisten pada 2.5% di semua institusi. Selain itu, MAIWP dan MUIP Pahang sependapat mengenai penyedia kandungan yang dianggap dalam kategori zakat pendapatan. Namun, LZS Selangor lebih jelas

*dalam membezakan struktur kerja content creator, memberikan penjelasan terperinci mengenai klasifikasi berdasarkan status pekerjaan. LZS Selangor juga lebih menyeluruh dalam hal-hal syarikat atau pekerjaan individu, sedangkan MAWIP hanya menganggap mereka sebagai pendapatan profesional.*

**Kata kunci:** Zakat, Nisab Emas, Haul, Content Creator

**Abstract:** *The introduction of zakat in the context of the digital economy is becoming increasingly critical, especially for content creators who generate income through various online platforms. This study assesses the effectiveness of the gold nisab and haul approach adopted by zakat centres in Malaysia in determining zakat obligations for this group. This aims to understand more deeply how the concepts of nisab and haul need to be adjusted to income in a dynamic and irregular digital economy. The method used is interviews with zakat centres, MAIWP, MUIP and LZS and analyzed interview data. The study found that MAWIP and MUIP Pahang acknowledged that haul is not required for income zakat. LZS Selangor also added that the income is received monthly. Nisab across zakat institutions uses a reference of 85g of gold, and the zakat rate charged is 2.5% across all institutions. In addition, MAWIP and MUIP Pahang agree on content providers that are considered in the category of income zakat. However, LZS Selangor is clearer in distinguishing the work structure of content creators, providing a detailed explanation of the classification based on job status. LZS Selangor is also more comprehensive in matters of company or individual employment, whereas MAWIP only considers them as professional income.*

**Keywords:** Zakat, Nisab of Gold, Haul, Content Creator

## Pendahuluan

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang wajib dipenuhi oleh setiap Muslim yang mencapai tahap tertentu dari segi kewangan atau harta. Di Malaysia, sistem zakat pendapatan yang dikenakan kepada individu bekerja telah ditetapkan berdasarkan nisab dan haul yang ditentukan oleh institusi-institusi zakat dengan menggunakan nisab emas sebanyak 85 gram sebagai garis penentu kelayakan zakat (Yazid, Ulirrahmi, Alam, 2022). Zakat profesional merupakan isu kontemporari yang memerlukan pemikiran yang serius untuk dapat mewujudkan asas undang-undangnya. Ia dikatakan kontemporari, kerana masalahnya tidak terkandung dalam kedaulatan undang-undang dalam buku-buku fiqh klasik. Di mana pada zaman Rasulullah s.a.w. dan ulama salaf tidak dianggap perlu mengenakan zakat profesional kerana profesion yang wujud pada masa itu hanya terhad kepada pertanian, penternakan dan perdagangan yang pengawalseliaan zakatnya sudah ada dalam kitab-kitab fiqh klasik. Tetapi hari ini, profesion sedia ada semakin pelbagai dan boleh menjana pendapatan yang berpuluh-puluh kali lebih besar daripada profesion sebagai petani, penternak dan peniaga (Cahyani, 2020).

Namun, perkembangan ekonomi digital menimbulkan cabaran baru dalam menentukan kelayakan zakat bagi golongan yang bekerja dalam sektor digital. Penyedia kandungan atau *content creator* boleh dikenali sebagai orang yang menghasilkan dan berkongsi kandungan digital dalam talian, biasanya pada platform seperti YouTube, Instagram, TikTok atau facebook. Kandungan yang mereka cipta boleh termasuk pelbagai format seperti video, imej, podcast, maklumat grafik dan banyak lagi. *Content creator* yang memperoleh pendapatan melalui pelbagai sumber dalam talian seperti penajaan, hasil tontonan, dan sumbangan

pengikut, mempunyai pendapatan yang tidak tetap dan berbeza-beza. Situasi ini menuntut agar pendekatan nisab dan haul yang sedia ada dikaji semula untuk disesuaikan dengan sifat pendapatan yang tidak berkala dalam sektor ekonomi digital ini (Batubara, 2020). Ketidaktepatan ini menyebabkan ramai golongan content creator yang berpendapatan cukup nisab tetapi tidak mengeluarkan zakat kerana belum cukup haul.

Oleh sebab itu, objektif kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengkaji kesesuaian penggunaan nisab emas dalam menentukan kelayakan zakat untuk golongan *content creator*.
2. Menganalisis kesesuaian aplikasi haul dalam zakat pendapatan bagi penyedia kandungan berdasarkan data institusi zakat.

## Kajian Literatur

### Konsep dan Hukum Zakat Pendapatan dalam Islam

Zakat secara umum boleh diambil daripada perkataan arab iaitu zaka – yazku – zakatan di mana ia bermaksud berkembang, hasil dan lebihan. Ia bertepatan dengan apa yang ditakrifkan oleh Ibn Manzur (1993) di mana harta itu akan berkurang jika dibelanjakan manakala ilmu pula akan berkembang dengan disampaikan. Al-Bajuriy (2016) pula menambah bahawa zakat merupakan satu nama bagi harta tertentu yang diambil daripada harta tersebut dengan cara tertentu kemudian diberikan kepada golongan tertentu. Allah juga berfirman:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

*Ambillah zakat dari sebagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka dan mendoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.*

(At-Taubah: 103)

Secara tradisional, zakat pendapatan ditentukan berdasarkan nisab yang disandarkan kepada harga emas semasa, yang mana individu Muslim perlu memiliki harta atau pendapatan yang menyamai atau melebihi 85 gram emas. Menurut kajian oleh Al-Qaradawi (1999), konsep nisab dan haul yang telah lama diamalkan seharusnya dipertimbang semula mengikut peredaran zaman dan keperluan ekonomi semasa. Dalam hal ini, pendekatan yang lebih fleksibel dan relevan mungkin diperlukan agar ia sesuai dengan situasi ekonomi moden.

Tieman (2022) mencadangkan bahawa dalam konteks ekonomi digital, nisab dan haul perlu dinilai semula kerana pendapatan dalam sektor digital berbeza dengan pendapatan daripada pekerjaan tetap. Menurut kajiannya, sistem zakat perlu adaptif dan relevan, contohnya dengan mengaplikasikan kaedah berasaskan pendapatan tahunan atau perolehan aktif bagi golongan yang pendapatannya tidak tetap. Hal ini dapat mengurangkan beban bagi content creator yang mungkin tidak menerima pendapatan yang stabil setiap bulan, tetapi sebaliknya bergantung pada populariti kandungan atau aliran pengikut. Kamarudin dan Ahmad (2021) turut menunjukkan bahawa dalam ekonomi gig, peraturan zakat sedia ada perlu diselaraskan kerana sifat pendapatan yang tidak tetap, ketiadaan majikan tetap, dan pelbagai sumber pendapatan menjadikannya sukar untuk diisytiharkan. Ini relevan bagi content creator yang sering kali memperoleh pendapatan dalam bentuk sumbangan digital, pengiklanan, atau kontrak penajaan.

Kajian ini mengkaji syariat zakat profesion dari youtuber dengan menggunakan qiyas zakat emas. Merujuk Yazid, Ulirrahmi, Alam (2022) menunjukkan bahawa dengan diqiyaskan pendapatan YouTuber kepada zakat emas, youtuber muslim wajib mengeluarkan zakat profesion mereka, jika pendapatan bersih yang diperoleh sudah mencapai kadar nisab emas, iaitu 85 gram emas dengan kadar 2.5% dan mencapai haul. Yusuf Qardawi berpendapat bahwa zakat al-mal al-mustafad diqiyaskan pada zakat pertanian. Oleh kerana itu zakat YouTubers dapat dikeluarkan sesuai dengan ketentuan zakat pertanian iaitu apabila telah mencapai nisab 625 kg maka kewajiban zakatnya 5%. Namun bagi para YouTubers yang tidak memenuhi nisab pada saat memperoleh gaji boleh menggunakan pendapat ulama lain yang menyamakannya dengan zakat emas, karena pendapat ini juga memiliki dalil yang kuat meskipun sebagian ulama mengatakannya lemah (Batubara, 2020).

### **Zakat Profesion Penyedia Kandungan: Pandangan Ulama Kontemporari**

Menurut Afwan dan Andri (2022), penjelasan Ulama Fikih klasik mengenai harta yang wajib dizakatkan terlepas dari pemaparan hasil ijtihad ulama kontemporer mengenai penambahan harta-harta yang wajib dizakatkan seperti zakat profesion dan sebagainya. Para ulama kontemporer melakukan ijtihad kontemporer sehingga menetapkan adanya kewajiban zakat pada profesion-profesional yang pada awalnya tidak dijelaskan oleh nas secara tegas. Zakat profesion adalah hasil ijtihad baru dalam literatur hukum Islam. Ulama kontemporer Diantaranya Wahbah Zuhaili, Abdurrahman Hasan, Abdul Wahab Khalaf dan Muhammad Abu Zahrah (Hasim, 2017). Mereka menyatakan bahawa zakat profesion disyaratkan padanya haul dan nisab.

Pendapat yang berbeza dikemukakan oleh Syekh Yusuf Al Qardhawi beliau melakukan Qiyas dengan zakat hasil pertanian untuk masalah haul, di mana zakat profesion tidak perlu menunggu haul sebagaimana halnya zakat pertanian (Al Qardhawi, 1973). Sedangkan, untuk ukuran nisab dan kadar kewajiban zakatnya diukur menurut zakat wang, kerana para penyedia kandungan menerima penghasilannya dalam bentuk wang. Qiyas nisab zakat profesion kepada zakat emas menyebabkan besarnya nisab zakat profesion. Kerana sangat sukar dijumpai mereka yang memiliki harta terkumpul senilai 85 gram emas yang merupakan nisab zakat emas. Oleh sebab itu, beliau memasukkan konsep *takmil an nisab* ke dalam zakat profesion (Al Qardhawi, 1973).

Di mana semua pendapatan yang diperoleh sepanjang tahun boleh disiapkan untuk menyempurnakan nisab. Al Qardhawi memasukkan konsep ini untuk meningkatkan bilangan zakat *muzakki* dalam profesion. Pemenuhan hasil petani dalam satu tahun terkandung dalam zakat pertanian menurut beberapa ulama yang ingin beliau gunakan dalam zakat profesional. Iaitu, semua pendapatan, baik gaji pokok dan bukan gaji, terkumpul dalam setahun untuk mencapai nisab. Walau bagaimanapun, pemenuhan nisab tidak dipersetujui oleh semua ulama. Menurut majoriti ulama, konsep *takmil an nishab* tidak terdapat dalam zakat pertanian, maka penerapan konsep tersebut kepada zakat profesional adalah perkara yang dipertikaikan oleh para ulama. Selain itu, terdapat perbezaan *'illat* antara zakat pertanian dan zakat profesional. Kerana menurut ulama-ulama mazhab keempat, *'illat* kewajipan zakat pertanian adalah untuk tumbuh dari bumi (Zuhaili, 1985). Manakala *'illat* tidak termasuk dalam zakat profesional.

**Jadual 1: Ringkasan Zakat Profession**

| Aspek                         | Huraian                                                                                                                                                                                                                              |
|-------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Asal Usul                     | Zakat profesion adalah hasil ijthad kontemporer kerana ia tidak dinyatakan secara langsung dalam nas klasik. Ia disesuaikan dengan situasi ekonomi moden, termasuk profesion seperti penyedia kandungan.                             |
| Pendapat tentang <i>Haul</i>  | Majoriti ulama: <i>Haul</i> diperlukan sebelum zakat dikenakan (pendapatan terkumpul selama setahun).<br>Al Qardhawi: Tidak perlu <i>haul</i> (menggunakan analogi zakat pertanian yang dikutip segera selepas hasil dituai).        |
| Kadar Nisab                   | Nisab zakat profesion disamakan dengan zakat emas (85 gram emas).<br>Al Qardhawi memperkenalkan <i>takmil an nisab</i> untuk menggabungkan semua pendapatan setahun bagi mencapai nisab.                                             |
| Konsep <i>Takmil an Nisab</i> | Tujuan: Memperluas bilangan pembayar zakat ( <i>muzakki</i> ) dalam kalangan profesional.<br>Kritikan: Konsep ini tidak diterima semua ulama kerana tiada asas dalam zakat tradisional seperti zakat pertanian.                      |
| Isu <i>'Illat</i>             | Zakat pertanian: <i>'Illat</i> kewajipan adalah hasil tumbuhan dari bumi.<br>Zakat profesion: Tiada <i>'illat</i> seperti ini, menyebabkan perbezaan asas antara zakat pertanian dan profesion.                                      |
| Tujuan                        | Memperluaskan kategori zakat untuk profesion moden, meningkatkan jumlah zakat dan keadilan sosial.                                                                                                                                   |
| Kritikan                      | Kekeliruan tentang kesesuaian konsep tradisional (contoh: <i>haul</i> , nisab, <i>'illat</i> ) dengan profesion moden.                                                                                                               |
| Kesimpulan                    | Zakat profesion adalah inovasi ijthad moden yang relevan untuk konteks masa kini. Namun, ia memerlukan integrasi pandangan ulama klasik dan kontemporer untuk meningkatkan penerimaan dan keselarasan hukum bagi kategori zakat ini. |

Jadual ini merumuskan isu-isu utama dan pelbagai pendapat mengenai zakat profesion, menjadikannya lebih mudah difahami dalam konteks perdebatan antara ulama klasik dan kontemporer.

### **Qiyas Zakat Profession dari Pendapatan Content Creator dengan Zakat Emas**

Menurut Yazid, Ulirrahmi dan Nur Alam (2022), penghasilan dari Youtube dapat dikatakan sebagai al-mal al mustafaad, iaitu harta yang dapat diambil manfaatnya oleh seorang muslim sebagai pemilik dengan kepemilikan baru seperti warisan, upah kerja, hadiah dan lainnya.

**Jadual 2: Perbezaan Pendapat dalam Kalangan Ulama Berkaitan Isu Haul Zakat Pendapatan**

| Zakat Setelah Cukup Nisab & Haul                                                                                                                                                                                                                                  | Zakat Setelah Cukup Nisab Tanpa Haul                                                                                                                                                                                    |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Sahabat Nabi di antaranya adalah Umar bin Khattab, Abu Bakar, Ali bin Abi Thalib, Utsman bin Affan, Abdullah Umar dan Aisyah.<br><br>Beberapa ulama seperti Imam Syafi'I, Imam Ahmad, Ibnu Hazm, Abu Ishaq ar-Rahawaih, dan Imam Malik juga berpendapat demikian. | Sahabat Nabi seperti Ibnu Abbas dan Muawiyah bin Abi Sofyan.<br><br>Ahli fikih yang berpendapat demikian adalah Dawud al-Dzahiri (Batubara, 2020).<br><br>"al-mal al mustafaad langsung dizakati ketika mendapatkannya" |



“Barangsiapa mengambil faedah sebuah emas atau perak, maka tidak ada kewajiban zakat atasnya kecuali sudah melewati satu tahun” (Malik, 1985; Yazid, Ulirrahmi & Nur Alam, 2022)

Sumber: Yazid, Ulirrahmi dan Nur Alam (2022) & Batubara (2020)

Merujuk Rayadhi (2015), terdapat kekurangan ketika menganalogikan *al-mal al mustafad*, termasuk salah satunya zakat profesion dengan zakat pertanian, di antaranya:

1. Hasil pertanian dituai kira-kira selepas 3-4 bulan, manakala zakat profesion diambil setiap kali mereka mendapat pendapatan atau boleh setiap bulan.
2. Zakat ke atas hasil pertanian adalah 10% daripada tanaman jika pengairan tidak dilakukan dengan kos dan 5% jika pengairan dilakukan pada kos, manakala al-Qardhawi menggunakan kadar 2.5% untuk zakat profesion.
3. Pendapatan daripada YouTube adalah dalam bentuk wang, bukan objek yang boleh diukur dalam bentuk berat.

Daripada hasil kutipan kajian, zakat profesion YouTuber sebenarnya lebih sesuai jika ia adalah qiyaskan dengan zakat emas.

### Metodologi Kajian


Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temubual dan analisa kandungan telah digunakan untuk mendapatkan pandangan menyeluruh terhadap isu zakat dalam kalangan *content creator* di Malaysia.

### Sampel Kajian

Sampel telah dipilih berdasarkan jumlah kutipan zakat yang tertinggi di Malaysia iaitu MAIWP dan LZS. Temubual diteruskan kepada pakar-pakar rujuk zakat dari tiga institusi agama; iaitu:

1. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
2. Lembaga Zakat Selangor (LZS)
3. Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP)

Bagaimanapun, temubual bagi pusat-pusat zakat di negeri-negeri lain akan diadakan dari semasa ke semasa.



Rajah 1: Metodologi kajian

### Kaedah Pengumpulan Data:

#### Temu Bual Separuh Berstruktur

Dalam kajian ini, untuk mendapatkan data yang relevan dengan objektif, temubual separa berstruktur digunakan ke atas pegawai-pegawai zakat untuk memahami pengalaman, cabaran, serta pandangan mereka terhadap nisab dan haul yang digunakan.

#### Kajian Dokumen

Analisis terhadap panduan zakat oleh institusi zakat seperti MAIWP, LZS dan MUIP untuk melihat bagaimana pendekatan nisab dan haul diguna pakai pada masa ini.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan analisis kandungan untuk menganalisis data. Miles dan Huberman (1984) dan Merriam (1998) mencadangkan pendekatan analisis kandungan boleh digunakan untuk menganalisis data temu bual. Analisis kandungan merupakan kaedah analisis yang sering digunakan dalam penyelidikan kualitatif (Burn, 1995). Ia juga memerlukan sistem pengkodan yang berkaitan dengan tujuan penyelidikan. Burn (1995) menambah kategori pengkodan perlu dibangunkan selepas pengumpulan data pertama dilakukan.

### Dapatan Kajian

#### Konsep dan definisi pendapatan (Al-Mal Al-Mustafad) konteks zakat

Menurut Lembaga Zakat Selangor (LZS), harta pendapatan bermaksud semua jenis upah, imbuhan, bayaran atau hasil yang diperolehi daripada kerja atau usaha yang dilakukan sama ada secara tetap atau sekali sekali.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَنْفَقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ ۚ

*Hai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu.*

(Al-Baqarah 2:267)

Terdapat beberapa kategori al-mal al-mustafad.

**Jadual 3: Kategori Al-Mal Al-Mustafad**

| Kategori                                                                         | Huraian dan Contoh                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|----------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Harta pendapatan, gaji dan upah<br>(كسْبُ الْعَمَلِ وَالرَّوَاتِبِ وَالْأَجُورِ) | Segala pendapatan yang diperoleh seseorang daripada majikannya hasil daripada usaha atau pekerjaan yang dilakukan untuk majikannya sama ada semasa berkhidmat, selepas berkhidmat atau selepas kematiannya (pencen terbitan).<br><br>Contoh; Gaji, Upah, Bonus, Pencen, Insentif, Gratuiti, Dan Lain-lain.                                                                                                                  |
| Harta Hasil Pekerjaan Bebas / professional<br>(الْمِهْنُ الْحَرَّةُ)             | Segala pendapatan yang diperoleh seseorang hasil daripada pekerjaan yang dilakukan atas usaha sendiri tanpa ada kaitan dengan pihak lain dalam bentuk kerja bebas atau perkhidmatan professional.<br><br>Contoh; Doktor, Peguam, Kontraktor, Komisen, Arkitek, Royalti Hakcipta, Dan Lain-lain.                                                                                                                             |
| Harta Hasil Aset Tetap<br>(الْمُسْتَعْلَاقَاتُ)                                  | Harta yang tetap induknya tetapi boleh berkembang dengan mendatangkan pendapatan melalui sewaan atau jualan hasilnya.<br><br>Contoh; Hasil sewaan rumah, kenderaan, Hasil ladang getah, Hasil ladang sawit, Hasil pertanian selain padi, Hasil ternakan seperti telur, susu, Dan Lain-lain.                                                                                                                                 |
| Harta yang diperolehi secara percuma<br>(الْعَطِيَّةُ)                           | Harta yang diperolehi oleh seseorang bukannya hasil daripada pekerjaan yang dilakukannya. Ia merupakan pemberian yang diterima samada daripada individu atau institusi dalam tahun semasa dalam berbentuk harta zakawi yang bukan dalam bentuk harta tetap (al 'aqar) dan bukan merupakan nafkah wajib."<br>Contoh:<br>1. Hibah, hadiah, saguhati, pencen pasangan, sedekah<br>2. Pampasan, harta pusaka, mahar perkahwinan |

Sumber: website Lembaga Zakat Selangor

### Analisa perbandingan temubual tiga pusat zakat: MAIWP, LZS dan MUIP

Berikut adalah jadual perbandingan antara dapatan di Majlis Agama Islam Wilayah persekutuan (MAWIP), Lembaga Zakat Selangor (LZS Selangor), dan Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP Pahang) dalam menentukan zakat al-mal al-mustafad terhadap zakat pendapatan yang melibatkan penyedia kandungan:

| Aspek                                      | MAWIP                                                                                                          | LZS Selangor                                                                                                                       | MUIP Pahang                                                                                          |
|--------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Definisi/ Konsep Al-Mal al-Mustafad</b> | Tiga kategori utama:<br>1. Pendapatan (Gaji, Pencen, Bonus)<br>2. Pekerjaan Bebas/Profesional<br>3. Aset Tetap | Empat kategori:<br>1. Pendapatan Bergaji ( <i>Al-Wujur wa al-Rawatib</i> )<br>2. Pekerjaan Bebas/Profesional<br>3. Hasil Aset yang | Tiga kategori utama:<br>1. Pendapatan<br>2. Pekerjaan Bebas<br>3. Aset Tetap<br>- Sama seperti MAWIP |



|                                                              |                                                                                                |                                                                                                            |                                                                                                          |
|--------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                                              |                                                                                                | Diusahakan ( <i>Al-Mustaghallat</i> )<br>4. Pemberian Percuma ( <i>Al-'Atiah</i> )                         |                                                                                                          |
| <b>Keperluan Menilai Semula Kriteria</b>                     | Perlu penyesuaian untuk ekonomi digital, seperti content creator.                              | Pengkategorian lebih terperinci diperlukan untuk content creator dan pekerjaan bebas digital.              | Tidak ada perubahan ketara, tetapi kesedaran mengenai pendapatan digital perlu diperhatikan.             |
| <b>Pendapatan Golongan Profesional (Pegum, Doktor, dsb.)</b> | Zakat wajib bagi semua pendapatan profesional apabila mencukupi nisab.                         | Zakat wajib jika pendapatan dari kerja bebas atau profesional, tidak terikat kontrak majikan.              | Pendapatan profesional dikenakan zakat jika memenuhi syarat zakat, mengikut pendapatan bebas.            |
| <b>Pendapatan Penyedia Kandungan (Content Creator)</b>       | Dikenakan zakat pendapatan seperti pendapatan profesional, jika mencukupi nisab.               | Zakat pendapatan jika tanpa majikan (bayaran langsung dari platform). Jika ada syarikat, zakat perniagaan. | Zakat pendapatan dikenakan kepada content creator, mengikut struktur pekerjaan (individu atau syarikat). |
| <b>Pensyaran Haul dan Nisab</b>                              | Haul berdasarkan kalendar Masihi dan nisab 85g emas. Kadar zakat 2.5%.                         | Haul tidak diperlukan. Nisab berdasarkan 85g emas dan kadar zakat 2.5%.                                    | Haul tidak diperlukan. Nisab 85g emas dan kadar zakat 2.5%.                                              |
| <b>Fatwa Mengenai Zakat Content Creator</b>                  | Tiada fatwa khusus mengenai content creator, keputusan berdasarkan uruf semasa.                | Tiada fatwa khusus, tetapi fatwa umum mengenai zakat pendapatan diambil kira.                              | Fatwa umum, tiada fatwa khusus, keputusan perlu dirujuk kepada jabatan mufti atau majlis agama.          |
| <b>Garis Panduan untuk Kandungan Media Sosial</b>            | Tiada garis panduan khusus tetapi content creator dikehendaki mengikuti syarat-syarat syariah. | Perlunya garis panduan jelas untuk memisahkan pendapatan halal/haram dalam content.                        | Perlunya garis panduan spesifik untuk sektor digital bagi memastikan pematuhan syariah.                  |
| <b>Dalil Berkaitan Zakat Al-Mal al-Mustafad</b>              | Surah Al-Baqarah 267, 219 dan hadis mengenai kewajipan zakat pendapatan.                       | Dalil Al-Quran dan hadis yang menyatakan kewajipan zakat atas pendapatan, termasuk content creator.        | Dalil yang sama digunakan untuk menentukan kewajipan zakat berdasarkan pendapatan hasil usaha baik.      |
| <b>Kategori Harta yang Dikenakan Zakat</b>                   | 1. Pendapatan<br>2. Pekerjaan Bebas<br>3. Aset Tetap                                           | 1. Pendapatan Bergaji<br>2. Pekerjaan Bebas<br>3. Hasil Aset yang Diusahakan<br>4. Pemberian Percuma       | 1. Pendapatan<br>2. Pekerjaan Bebas<br>3. Aset Tetap                                                     |

|                    |                                                                                                         |                                                                 |                                                                                                         |
|--------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Had Kifayah</b> | Keperluan asas seperti makanan, pakaian, pendidikan, perubatan, dan pengangkutan tidak dikenakan zakat. | Keperluan asas tidak dikenakan zakat, memastikan kesejahteraan. | Keperluan asas (perlindungan, makanan, pakaian) dikecualikan dari zakat untuk memastikan kesejahteraan. |
|--------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|

**Sumber:** Temubual bersama Pegawai di Lembaga Zakat Selangor (LZS), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP) bagi tahun 2024.

### **Aplikasi zakat terhadap penyedia kandungan (content creator) di media sosial berdasarkan amalan semasa Institusi Zakat Malaysia**

Dalam era digital, penyedia kandungan (content creator) di media sosial semakin mendapat perhatian, bukan hanya dari segi pengaruh mereka terhadap masyarakat, tetapi juga dari sudut kewajipan zakat yang perlu ditunaikan. Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengambil pendekatan yang terstruktur dalam menilai tanggungjawab zakat penyedia kandungan ini berdasarkan dua kategori utama.

Pertama, jika penyedia kandungan beroperasi secara individu melalui platform-platform media sosial seperti TikTok, pendapatan yang diperoleh diklasifikasikan di bawah *zakat mal mustafad* atau zakat pendapatan. Pendekatan ini juga dipersetujui oleh Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP), yang menegaskan bahawa pendapatan individu yang diperoleh daripada aktiviti dalam talian tertakluk kepada kategori zakat pendapatan, sama seperti profesion lain yang menghasilkan pendapatan berterusan.

Sebaliknya, jika penyedia kandungan menjalankan operasi di bawah entiti perniagaan yang berdaftar, dengan memiliki kakitangan serta struktur operasi yang tersusun, maka kewajipan zakat berubah kepada zakat perniagaan. Pendapatan yang diperoleh tidak lagi dilihat sebagai hasil individu semata-mata, tetapi sebagai pendapatan syarikat yang tertakluk kepada kaedah pengiraan *zakat tijarah*.

Namun demikian, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) mengemukakan dua pandangan berbeza berhubung kaedah penentuan zakat bagi penyedia kandungan. Pendekatan pertama mencadangkan agar pendapatan yang diperoleh diteliti secara terperinci bagi menentukan jenis zakat yang paling sesuai dikenakan. Kaedah ini dilihat lebih tepat kerana ia mengambil kira sumber pendapatan yang pelbagai seperti pendapatan daripada tajaan, pengiklanan, atau penjualan produk digital.

Pendekatan kedua pula lebih bersifat pragmatik, iaitu menggunakan konsep pukul rata dalam menentukan zakat, tanpa perlu penelitian mendalam terhadap pelbagai sumber pendapatan. Pendekatan ini dilihat lebih mudah dan berpotensi menggalakkan lebih ramai penyedia kandungan untuk menunaikan kewajipan zakat tanpa bebanan birokrasi yang rumit.

MAIWP turut menyatakan komitmen mereka dalam membantu penyedia kandungan yang ingin memberikan maklumat terperinci mengenai sumber dan jumlah pendapatan mereka. Dengan sokongan ini, pelaksanaan zakat dapat dilakukan dengan lebih berkesan dan adil, sejajar dengan prinsip syariah yang menekankan keadilan dalam pengagihan harta zakat.

Kesimpulannya, pembezaan antara zakat pendapatan individu dan zakat perniagaan bagi penyedia kandungan digital merupakan satu langkah penting dalam memastikan kewajipan zakat dilaksanakan dengan tepat. Pendekatan yang fleksibel, sama ada melalui penelitian terperinci atau kaedah pukol rata, dapat membantu institusi zakat memaksimumkan kutipan dan seterusnya meningkatkan keberkesanan agihan zakat kepada golongan yang memerlukan

#### a) Penentuan Kadar Nisab Dan Pensyaran Haul Serta Aplikasinya Dalam Ekonomi Digital

Dalam konteks zakat, *nisab* berfungsi sebagai penanda aras minimum kekayaan atau pendapatan yang menjadikan seseorang wajib menunaikan zakat. *Nisab* adalah had minimum kekayaan yang menentukan kewajiban seseorang untuk menunaikan zakat apabila mencukupi tempoh yang telah ditetapkan. Bagi zakat pendapatan, nilai nisab biasanya bersandarkan 85 gram emas, simbol kekayaan yang stabil dalam ekonomi Islam.

Di Malaysia, jika pendapatan tahunan melebihi nisab ini, 2.5% daripada jumlah tersebut perlu dikeluarkan sebagai zakat. Emas dijadikan rujukan kerana sifatnya yang konsisten, memastikan kewajiban zakat ditentukan dengan adil dan relevan. Memahami *nisab* bukan sekadar memenuhi kewajiban, tetapi turut menyumbang kepada keseimbangan ekonomi dan keadilan sosial dalam masyarakat. Ini bertepatan dengan sebuah hadis seperti berikut:

إذا كانت لك مائتا درهم، وحال عليها الحول، ففيها خمسة دراهم، وليس عليك شيء، حتى يكون لك عشرون ديناراً، وحال عليها الحول: ففيها نصف دينار، فما زاد فبحساب ذلك  
Apabila kamu memiliki 200 dirham (perak) dan berlalu haulnya (cukup setahun), maka bagi kamu zakat sebanyak 5 dirham. (Manakala emas) Kamu tidak wajib berzakat emas sehinggalah kamu memiliki 20 dinar. Maka, apabila kamu memiliki 20 dinar dan telah cukup haulnya, bagi kamu zakatnya sebanyak setengah dinar. Jika kamu memilikinya lebih daripada itu, maka cara pengiraannya adalah serupa.  
(Riwayat Abu Daud)

Walau bagaimanapun penyedia kandungan (*content creator*) berdepan cabaran unik dalam mengaplikasikan nisab emas sebagai penanda aras kewajiban zakat. Berbeza dengan profesion tradisional yang cenderung memiliki pendapatan tetap, pendapatan penyedia kandungan bersifat dinamik dan bergantung kepada pelbagai faktor seperti populariti kandungan, jumlah tontonan, sumbangan daripada penonton (*viewers*), serta kontrak penajaan. Dinamika ini menimbulkan persoalan tentang relevansi penggunaan nisab emas dalam konteks pendapatan digital, sekaligus mencetuskan perbincangan mengenai keperluan alternatif nisab yang lebih sesuai berdasarkan bentuk pendapatan semasa.

Menurut Lembaga Zakat Selangor (LZS), pendapatan yang diperoleh oleh penyedia kandungan dikategorikan sebagai (*mal zakawi*) مال زكوي. *Mal zakawi* merujuk kepada harta yang berkembang (*al-mal an-nami*), iaitu harta yang berpotensi untuk bertambah sama ada melalui proses semula jadi atau usaha manusia. Dalam konteks zakat, hanya *mal zakawi* yang wajib dikenakan zakat kerana sifatnya yang boleh memberi manfaat berterusan serta berpotensi meningkatkan kekayaan pemilikinya (Al-Qaradawi, Y. 1999). Oleh itu, wajib dikenakan zakat berdasarkan nisab emas. Walaupun terdapat cadangan untuk menilai alternatif nisab, pandangan ini tetap dikekalkan atas dasar kestabilan emas sebagai rujukan harta dalam konteks zakat.

Selain itu, mesyuarat jawatankuasa fatwa turut membincangkan persoalan mengenai *haul*—tempoh setahun yang lazimnya menjadi syarat wajib zakat. Dalam hal ini, wujud perbezaan pendapat di kalangan fuqaha. Sebahagian ulama berpendapat bahawa zakat pendapatan tidak perlu memenuhi syarat *haul*, manakala sebahagian yang lain masih berpegang pada keperluan tersebut. Walau bagaimanapun, perbincangan mengenai *haul* tidak mengubah hakikat bahawa nisab merupakan syarat wajib zakat yang telah disepakati oleh para fuqaha.

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) turut menyokong pendekatan ini, menekankan bahawa meskipun terdapat ruang perbincangan mengenai *haul*, penetapan nisab berdasarkan emas tetap relevan dalam memastikan kelangsungan kewajipan zakat pendapatan bagi penyedia kandungan digital.

Pendekatan ini bukan sahaja memastikan zakat dapat dilaksanakan secara konsisten dalam pelbagai konteks pendapatan, tetapi juga mengekalkan prinsip keadilan dalam sistem zakat, di mana harta yang berkembang harus diagihkan untuk kepentingan masyarakat yang memerlukan.

#### **b) Haul Dan Kesenambungannya Dalam Zakat Pendapatan Yang Tidak Konsisten**

Dalam sistem zakat, *haul* merujuk kepada tempoh setahun (mengikut kalendar Hijrah) yang mesti dilalui oleh sesuatu harta sebelum ia diwajibkan zakat. Prinsip ini bertujuan memastikan bahawa harta tersebut benar-benar stabil dan berkembang dalam tempoh yang munasabah sebelum dikenakan zakat. Jika harta belum mencapai *haul*, kewajipan zakat belum tertakluk ke atasnya, meskipun ia telah mencapai *nisab*—jumlah minimum kekayaan yang wajib dizakatkan (Al-Qaradawi, Y. 1999).

Menurut Al-Qazwini, seorang ulama fiqh klasik, “Tidak ada zakat yang wajib dikenakan ke atas sesuatu harta sehingga ia mencapai tempoh haul” (Al-Qazwini, t.t). Terdapat beberapa hadis juga yang berkaitan dengan penetapan haul seperti berikut:

لَا زَكَاةَ فِي مَالٍ حَتَّى يَحُولَ عَلَيْهِ الْحَوْلُ

*Tidak ada zakat harta sehingga haul (satu tahun) telah berlalu.*

(HR Ibn Majah)

مَنْ اسْتَفَادَ مَالًا فَلَا زَكَاةَ عَلَيْهِ حَتَّى يَحُولَ عَلَيْهِ الْحَوْلُ عِنْدَ رَبِّهِ

*Sesiapa yang memperolehi harta, maka tidak ada zakat ke atasnya sehingga Haul telah berlalu (selagi harta itu ada padanya).*

(HR Tirmidhi)

Dalam konteks pendapatan tetap, tempoh haul ini diterima pakai secara ketat. Namun, bagi *content creator* yang pendapatannya sering berubah, haul sukar diaplikasikan. Di Malaysia, beberapa institusi zakat telah memperkenalkan haul tetap, iaitu Januari hingga Disember, yang memudahkan proses melaporkan pendapatan. Pendekatan ini membantu mengatasi kesulitan pengiraan haul bagi golongan berpendapatan tidak tetap, tetapi masih memerlukan penyesuaian agar bersifat lebih inklusif bagi mereka yang memperoleh pendapatan secara ad hoc.

Syarat *haul* dalam zakat menegaskan prinsip kestabilan harta sebagai syarat wajib zakat. Walaupun terdapat perbincangan mengenai relevansi *haul* dalam konteks ekonomi moden, prinsip ini masih dipegang dalam kebanyakan mazhab fiqh kerana ia bertujuan melindungi hak pemilik harta serta memastikan agihan zakat dilakukan secara seimbang. Oleh itu, memahami

konsep *haul* membantu pemilik harta menunaikan zakat dengan lebih teratur dan mengikut panduan syariah.

## Perbincangan

### Cabaran dalam menentukan nisab dan haul bagi content creator

#### 1. Kesulitan dalam Menetapkan Nisab bagi Pendapatan Tidak Tetap

Pendapatan *content creator* adalah lebih kompleks daripada pekerja sektor formal kerana sumbernya pelbagai, seperti hasil tontonan iklan, hadiah, kontrak penajaan, dan jualan barangan. Pendapatan ini bukan sahaja tidak tetap, malah kadang-kala diperoleh dalam bentuk bukan tunai, seperti aset digital atau produk. Maka, terdapat keperluan untuk menilai sama ada nisab emas masih sesuai, atau sekiranya nisab alternatif yang lebih selari perlu dicari untuk pendapatan tidak tetap seperti ini.

#### 2. Ketidakstabilan dalam Menetapkan Haul bagi Pendapatan Tidak Berkala

Dalam konteks haul, tempoh setahun mungkin tidak sesuai bagi golongan *content creator*, memandangkan pendapatan mereka adalah tidak berkala dan boleh datang daripada pelbagai platform. Kesukaran ini timbul kerana pendapatan yang tidak teratur akan memulakan tempoh haul yang berbeza bagi setiap sumber pendapatan. Haul tetap Januari hingga Disember, yang diperkenalkan oleh institusi zakat di Malaysia, membantu menyederhanakan pengiraan haul bagi pendapatan tidak tetap, tetapi kaedah ini masih memerlukan kajian lanjut agar tidak menimbulkan kesulitan kepada *content creator*.

### Implikasi terhadap content creator dalam ekonomi digital

#### 1. Penentuan Kadar Zakat yang Sesuai

Terdapat keperluan untuk menentukan kadar zakat yang sesuai bagi golongan *content creator*. Sekiranya kadar zakat pendapatan dikenakan pada 2.5%, ia selari dengan kadar zakat pendapatan biasa. Namun, sesetengah pendapatan *content creator* yang bersifat kontrak atau jualan mungkin lebih sesuai dengan pendekatan zakat perniagaan. Kajian lanjut boleh mengenal pasti sama ada kadar zakat pertanian 10% boleh diaplikasikan bagi pendapatan tertentu tanpa perlu memenuhi syarat haul.

#### 2. Kaedah Rekod dan Pelaporan Pendapatan yang Sistemik

Penetapan nisab dan haul yang jelas memerlukan *content creator* menguruskan rekod pendapatan mereka dengan teliti. Dengan pelbagai sumber pendapatan, garis panduan perekodan yang teliti amat diperlukan bagi memastikan mereka mencatat setiap aliran pendapatan dengan jelas. Ini akan membantu mereka memenuhi kewajipan zakat dengan lebih mudah. Bimbingan dan garis panduan dari institusi zakat juga dapat membantu *content creator* dalam memahami kewajipan zakat mereka.

#### 3. Kolaborasi dengan Institusi untuk Pengesahan dan Pemantauan Pendapatan

Pelaporan pendapatan secara sukarela bagi golongan *content creator* mungkin lebih berkesan sekiranya institusi zakat bekerjasama dengan agensi kerajaan, seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) atau platform media sosial. Kerjasama ini akan membantu pemantauan pendapatan dan meningkatkan ketelusan pelaporan. Dengan kolaborasi ini, institusi zakat dapat membangunkan panduan yang lebih berstruktur dan mengumpul data pendapatan dengan lebih efisien.



### Saranan untuk memperkukuhkan amalan zakat bagi content creator



**Rajah 3: Saranan untuk Memperkukuhkan Amalan Zakat bagi Content Creator**

- 1. Penyemakan Nisab dan Kaedah Alternatif:** Mempertimbangkan penggunaan nisab yang lebih relevan dengan pendapatan tidak tetap dalam sektor digital, seperti nisab pertanian bagi pendapatan yang tidak memerlukan haul.
- 2. Penetapan Haul yang Praktikal dan Fleksibel:** Menggunakan haul tetap seperti Januari hingga Disember, dengan mempertimbangkan fleksibiliti bagi pendapatan yang diperoleh secara ad hoc.
- 3. Penyediaan Garis Panduan Pelaporan Pendapatan yang Efektif:** Menyediakan garis panduan komprehensif untuk membantu *content creator* melaporkan dan merekod pendapatan dengan sistematik dan selaras dengan syariah.
- 4. Kerjasama dengan LHDN untuk Pemantauan Data Pendapatan:** Kerjasama dengan LHDN untuk memantau pendapatan dalam sektor ekonomi digital dapat memperkukuhkan pelaksanaan zakat dalam industri ini.

### Kesimpulan

Dalam perkembangan ekonomi digital, pendekatan nisab dan haul dalam zakat pendapatan perlu disesuaikan untuk kekal relevan bagi golongan *content creator*. Melalui penyesuaian nisab dan haul, penyediaan garis panduan pelaporan pendapatan, serta kolaborasi dengan agensi kerajaan, amalan zakat dalam kalangan *content creator* dapat diperkasakan. Pendekatan yang inklusif dan adil ini bukan sahaja menyumbang kepada kesejahteraan ummah tetapi turut memastikan *content creator* dapat menjalankan kewajipan zakat mereka dengan lebih mudah dan sistematik. Zakat sebagai salah satu kewajipan dalam Islam perlu disesuaikan dengan keadaan ekonomi semasa, terutamanya dalam ekonomi digital yang semakin berkembang. Dalam konteks *content creator* dan pekerja gig, penyesuaian nisab dan haul sangat penting untuk memastikan sistem zakat dapat dilaksanakan dengan adil dan tepat. Dengan penambahbaikan yang dicadangkan dalam kajian ini, diharapkan sistem zakat dapat mengatasi cabaran yang dihadapi oleh golongan ini dan memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhan.



## PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan di bawah Geran Penyelidikan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, 100-TNCPI/GOV 16/6/2 (0072024) yang bertajuk Kajian Tafsiran Semula Jenis-Jenis Zakat: Satu Analisis Kontemporari di Negeri Sembilan.

## Rujukan

### Buku

- Al-Quran.
- Abu Daud, Sulaiman. (1999). *Sunan Abi Dawud*. Bait al-Afkar al-Dauliyah.
- Al-Bājūriy, I. M. A. (2016). *Hāshiah al-Bājūriy ‘alā Sharḥ al-‘Allāmah Ibn Qāsim al-Ghazzī ‘alā Matn Abī Shujā’*. Jeddah: Dār al-Minhāj li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Al Qardhawi, Y. (1973). *Fikih Zakat*. Beirut: Pustaka Ar Risalah, Jilid I.
- Al-Qaradawi, Y. (1999). *Fiqh al-Zakah*. Dar al-Turath.
- Al-Qaradawi, Y. (1999). *Fiqh az-Zakah: A Comparative Study of Zakah, Regulations and Philosophy in the Light of Qur'an and Sunnah* (Vol. 1). Jeddah: King Abdul Aziz University
- Al-Qazwīnī, M. Y. (t.t). *Sunan Ibn Mājah*. Sulaymān bin al-Ash‘ath bin Ishāq bin Bashīr, S. A. I. (Ed.). Kaherah: Dār Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Al-Tirmidhi, Abi Isa. (1999). *Sunan al-Tirmizi*. Riyadh: Bait al-Afkar al-Dauliyah.
- Ibn Majah, Abu 'Abdullah Muhammad bin Yazid. (2007). *Sunan Ibn Majah*. Jil 3. Riyadh: Maktabah Dar al-Salam.
- Ibn Manzūr, M. M. A. (1993). *Lisān al-‘Arb*. Beirut: Dār Ṣādir.
- Burn, R. B. (1995). *Introduction to Research Methods*. Melbourne: Longman.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education* (2nd ed). San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative Data Analysis: An Expanded Sourcebook* (2nd ed). Thousand Oaks: Sage Publications.
- Zuhaili, W. (1985). *Fiqh Al Islam wa Adillatuhu*. Beirut: Dar Fikr, Jilid II.

### Jurnal

- Afwan, M.M. & Andri. Analisis Kritis terhadap Konsep Zakat Profesi Menurut Yusuf Al-Qardhawi. *Jurnal An-Nahl*. 9(1). p-ISSN: 2355-2573 |e-ISSN: 2723-4053. p. 39 – 44.
- Batubara, Y. (2020). Ketentuan Hukum Zakat Youtuber menurut Yusuf Qardhawi. *Jurnal Syariah Dan Hukum Islam*, 5(1), 95–115.
- Kamarudin, M. F., & Ahmad, N. A. (2021). *Zakat and the Gig Economy: A Legal Perspective*. *Journal of Islamic Business and Management*, 12(1), 90-106.
- Riyadi, F. (2015). Kontroversi zakat profesi perfektif ulama kontemporer. *ZISWAF*, 2(1), 109–132. <https://doi.org/10.21043/ziswaf.v2i1.1538>
- Tieman, M. (2022). "Digital Economy and Zakat: A New Framework for Zakat Collection and Distribution." *International Journal of Islamic Economics and Finance*, 5(3), 123-139.
- Yazid, A., Ullirrahmi, F., & Nur Alam, I. (2022). Tinjauan Syariat Terhadap Zakat Profesi Dari Hasil Youtuber Dengan Metode Qiyas Zakat Emas. *An-Natiq Jurnal Kajian Islam Interdisipliner*. 2(2). 102-111. pISSN 2798-0200 | eISSN 2777-0176. DOI: <http://dx.doi.org/an-natiq.v2i2.15464>

### Internet

Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). (2023). Penyelarasan Pengisytiharan Pendapatan oleh Pekerja Gig dan Content Creator.

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). (2023). Panduan Zakat Pendapatan. Lembaga Zakat Selangor. Takrif Pendapatan (al-Mal al-Mustafad). <https://www.zakatselangor.com.my/info-zakat/zakat-kewajipan-berzakat/zakat-pendapatan/>

### Temu bual

Temubual bersama Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Temubual bersama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Temubual bersama Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP).